

Orang kafir aniaya diri sendiri

Fiqh Puasa

Boleh telan air liur

SOALAN 1:

Saya jenis orang yang banyak air liur. Kadang-kadang rasa nak melimpah atau meleleh keluar. Jadi biasanya saya telan air liur yang banyak itu. Bataukah puasa saya?

JAWAPAN:

Air liur tidak dianggap sebagai bahan dari luar badan. Oleh itu, boleh mengumpulkan air liur dan menelannya.

Ada juga orang yang sentiasa berlutuh ketika berpuasa kerana takut batal. Sebenarnya, menelan air liur tidak membatalkan puasa.

SOALAN 2:

Pernah berlaku pada waktu pagi, saya tidak sengaja tertelan baki makanan sahur. Bataukah puasa saya?

JAWAPAN:

Jika tidak sengaja maka tidak batal. Sebaik-baiknya gosoklah gigi selepas bersahur bagi membersihkan gigi dan menghilangkan saki baki makanan.

SOALAN 3:

Suami saya amat cerewet tentang makan. Sebab itu, saya kena merasa betul-betul makanan yang dimasak. Bolehkah saya merasa sedikit makanan dengan hujung lidah?

JAWAPAN:

Suri rumah yang memasak memang ada keperluan untuk merasai makanan. Lebih-lebih lagi jika suami seorang yang cerewet. Bimbang nanti dikatakan 'lori garam tumpah' dan sebagainya.

Maka tidak batal puasa jika dirasai sedikit dengan hujung lidah.

Bagaimanapun, orang yang tidak berkaitan dengan masak-memasak tidak perlulah hendak merasai makanan.

berkata: Ayat ini memberi perumpamaan seorang petani yang telah bekerja sedemikian rupa sehingga sawah dan ladangnya telah siap untuk dipetik, tetapi tiba-tiba datang angin yang membawa udara yang sangat dingin, yang keras sehingga seperti berbunyi 'sheer' dan akhirnya tanamannya terbakar tanpa mendapat apa-apa hasil.

Bahkan dia mengalami kerugian modal, tenaga dan pikiran. Demikian juga keadaan mereka di Hari Kemudian. Mereka menduga bahawa amal-amal mereka akan bermanfaat tetapi kenyataannya sama dengan petani yang dicontohkan di atas.

iii. Hamka berkata: Ayat ini diumpamakan harta benda yang dibelanjakan untuk maksud yang jahat laksana angin sejuk yang kering pada musim dingin bukannya membawa kesuburan melainkan kemusnahan.

Berbeza dengan ajaran dan seruan Ilahi yang dibawa oleh Rasulullah SAW umpama air hujan yang turun membawa rahmat dan berkat.

Semoga Allah menjadikan kita golongan yang taat dan beriman kepada-Nya serta yang menyelamatkan kita di hari akhirat kelak daripada api neraka. Amin.

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

musyrikin sekalipun anak dan harta mereka banyak kecuali semuanya tidak dapat menolak azab Allah SWT. Mereka akan kekal di neraka.

ii. Al-Alusi berkata: Anak-anak mereka pada hari akhirat kelak, begitu juga dengan harta mereka tidak dapat menegah dan menghalang daripada azab Allah SWT.

iii. Al-Maraghi berkata: Mereka tetap tinggal di dalam neraka, tanpa mampu untuk keluar daripadanya disebabkan rohani mereka sudah menjadi gelap, akidahnya pula sudah rosak, dan amal perbuatan mereka pula jelik.

Semuanya itu menghendaki mereka tinggal kekal di jurang kebinasaan yang amat gelap serta panas yang mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu berhala. Tempat ini dikhaskan untuk setiap orang yang mengingkari ayat Tuhannya, menolak dakwah para nabi dan rasul-Nya, dan hanya mahu tunduk mendengarkan seruan nafsu dan keinginannya.

iv. Muhammad Quraish Shihab berkata: Pada hakikatnya orang-orang yang beriman pun tidak akan bermanfaat buat mereka harta dan anak-anaknya untuk menolak ketetapan Allah SWT kerana seringkali menduga bahawa itu semua akan memberi manfaat kepada orang kafir bukan kepada orang mukmin.

Jelas di sini mereka itu ialah orang-orang kafir. Bukankah ada di antara mereka yang berkata: *Kami memiliki harta dan anak-anak yang lebih banyak sehingga kami tidak akan disiksa.* (terjemahan surah al-Saba': 35)

v. Hamka berkata: Kerana kemewahan dan kemegahan hidup mereka menjadi sombong dan tidak mempercayai pada seruan Ilahi.

Sesungguhnya harta dan anak-anak

mereka tidak akan dapat menolong apabila azab Allah SWT menimpa kepadanya.

Sebab Nuzul ayat 117

Ayat ini diturunkan berkaitan dengan harta yang dibelanjakan oleh penduduk Mekah atau bangsa Yahudi yang memusuhi dan memerangi Nabi Muhammad SAW.

Mereka telah memilih cara seperti itu untuk kepentingan diri mereka, sedangkan Nabi SAW dan para sahabatnya sedikit pun tidak ditimpa kecelakaan dengan tindakan mereka itu. Sebaliknya mereka pula yang dikuasai dan ditundukkan.

Ada yang berpendapat, bahawa ayat ini turun berkaitan dengan golongan munafik yang telah membelanjakan kekayaannya untuk jalan kebaikan, tetapi dengan maksud untuk menunjuk dan mencari pujian, atau menyembunyikan niat jahatnya (dengan bertopengkan kebajikan).

Sementara dalam riwayat lain pula menyebut bahawa perumpamaan dalam ayat-ayat ini ditujukan tepat terhadap golongan kafir yang membelanjakan kekayaan untuk kegiatan yang baik, dan mengharapkan kebaikan. Akan tetapi kerana syarat untuk memperoleh pahala daripada perbuatan-perbuatan yang baik adalah iman, maka mereka telah menzalimi diri mereka sendiri.

Ini disebabkan mereka tidak mahu memikirkan dalil-dalil yang sememangnya telah jelas, atau mengingkari kebenaran setelah difikirkannya benar padahal dalil-dalil tentang kebenaran ini telah diutarakan kepada mereka.

Iktibar dan fiqh ayat

Mereka yang menafkahkan dalam kehidupan di dunia mempunyai empat pendapat:

- Nafkah orang kafir dan sedekah mereka. Inilah pendapat Mujahid.
- Nafkah orang-orang yang rendah di kalangan Yahudi terhadap pendeta mereka. Inilah pendapat Muqatil.
- Nafkah orang Musyrikin di Perang Badar. Inilah pendapat Abul Hasan al-Mawardi.
- Nafkah orang munafikin. Apabila mereka keluar bersama orang Islam untuk memerangi Musyrikin. Ini juga pendapat al-Mawardi.

Ringkasnya, usaha mereka dalam membelanjakan harta kekayaan, sekalipun pada jalan yang baik, tetap keadaannya sama seperti angin dingin yang bertiup keras lalu menghancurkan tanaman.

Jadi, mereka tidak memperoleh sebarang manfaat daripada perbelanjaan hartanya, laksana pemilik tanaman tadi.

ii. Muhammad Quraish Shihab

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya orang-orang yang kafir, harta benda mereka dan anak-anak mereka, tidak sekali-kali akan dapat menyelamatkan mereka dari (azab) Allah sedikitpun, dan mereka itu ialah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya diri mereka sendiri, lalu membinasakannya, dan (ingatlah), Allah tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.* (ali-'Imran: 116-117)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SEIHKH Sya'rawi berkata : Selepas Allah menceritakan berkenaan keadilannya dalam pembalasan, Allah menyebut pula berkenaan keadaan orang-orang kafir yang menyangka banyaknya harta dan ramainya anak boleh menjadikan mereka kaya serta tidak berhajat kepada Allah.

Iktibar dan fiqh ayat 116

i. Ibn Kathir berkata: Allah menceritakan perihal orang kafir



ORANG-ORANG kafir akan rugi di akhirat akibat kesesatan mereka. - Gambar hiasan